

# Pantau persiapan Sukma 2014 - Raja Perlis

um/17-6-13/30/11/11  
Oleh **SHOLINA OSMAN**  
sukan@utusan.com.my

KANGAR - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail bertitah setiap agensi yang terlibat dalam Sukan Malaysia (Sukma) 2014 perlu bertindak aktif dengan menjalankan pemantauan berterusan bagi memastikan tiada kelewatan atau kecacatan projek berkaitan temasya sukan terbesar itu yang dianjurkan di negeri ini tahun depan.

Sehubungan itu titah baginda, pihak berkenaan seharusnya memastikan segala infrastruktur yang dirancang dapat disiapkan dengan tepat.

“Rajin-rajinlah untuk turun padang serta meninjau perkembangan projek dan persiapan temasya ini,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika melancarkan Logo, Lagu, Maskot dan Laman Web Sukma XVII Perlis 2014 Sempena Ulang Tahun Keputeraan Baginda Ke-70 di Stadium Utama, di sini semalam.

Berangkat sama Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Pu-

tra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Yang turut hadir Menteri Besar, Azlan Man dan Pengerusi Jawatankuasa Sekretariat Sukma XVII, Jamil Saad.

Baginda bertitah, Perlis diharapkan dapat melaksanakan Sukma dengan menggunakan segala sumber yang ada dengan sebaik mungkin bagi membuktikan ia Perlis mampu menggalas tugas besar yang diamanahkan Kerajaan Pusat.

“Peganglah kepada pepatah Melayu ‘kecil-kecil cili padi, meskipun kecil tapi berapi’, maka diharapkan meskipun Perlis cuma sebuah negeri yang saiznya tidak sebesar negeri-negeri lain tetapi mampu memberi impak yang besar dalam penganjuran Sukma,” titah baginda.

“Pada ketika ini, bukan di dalam arena sukan sahaja kita perlu sepakat, malah untuk memastikan keseluruhan penganjuran berjaya dengan gilang-gemilang, semua jabatan perlu berganding bahu dan bekerjasama maka barulah hasilnya berganda,” titah baginda.



**TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail melancarkan logo dan maskot serta laman web Sukma XVII Perlis 2014 di Stadium Utama, Perlis, kelmarin.**